

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP26/011 • Khamis, 13 Julai 2023 / 24 Zulhijah 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:41AM • SUBUH 4:51AM • SYURUK 6:14AM • DOHA 6:38AM • ZOHOR 12:27PM • ASAR 3:52PM • MAGHRIB 6:37PM • ISYAK 7:52PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

150 sertai Halaqah Bimbingan Daie ke-65

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 JULAI – Seramai 150 orang telah menghadiri Halaqah Bimbingan Daie ke-65 anjuran Pusat Dakwah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Dakwah (Ceramah) yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, hari ini.

Objektif majlis berkenaan adalah menyelaraskan isi kandungan ceramah agar isu atau tajuk yang disampaikan oleh para penceramah konsisten dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan zaman.

Hadir pada majlis itu ialah Pengarah PDI, Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh yang seterusnya menyampaikan cenderahati kepada fasilitator jemputan, Pegawai Turus Tarbiyah Agama, Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja



Antara peserta yang hadir semasa majlis berkenaan.

Brunei (JAMA'AT), Kementerian Pertahanan, Mejar Ariffin bin Amit.

Para peserta adalah kakitangan dari JAMA'AT, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian

Kemajuan Syiar Islam serta penyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), daie-daie



Haji Abdul Rajid menyampaikan cenderahati kepada fasilitator jemputan semasa majlis berkenaan.

dari jabatan kerajaan, swasta dan daie bertaualiah Majlis Ugama Islam Brunei, serta para pegawai dan kakitangan PDI.

Halaqah berkenaan diharapkan akan dapat mencapai objektif

dan sasaran yang dihasratkan, iaitu bagi memberi ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan sambutan Ilal Tahun Hijrah 1445H tahun ini.